


Headline	Bas Smart beroperasi di Hulu Selangor 16 Jun		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	25	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	428 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,459
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,377



PERKHIDMATAN Bas Smart di Hulu selangor, Selangor mulai pertengahan bulan ini bakal memberi kemudahan kepada penduduk setempat.

Bas Smart beroperasi di Hulu Selangor 16 Jun



RAJAH laluan bas Smart Selangor bagi perjalanan Bukit Beruntung-Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.

KUALA LUMPUR 9 Jun - Penduduk di Hulu Selangor kini boleh menarik nafas lega selepas perkhidmatan bas Smart Selangor bakal diperluaskan ke daerah itu pada 16 Jun ini.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Daerah Hulu Selangor, Junainah Abdullah berkata, pengenalan perkhidmatan bas percuma itu bagi memudahkan urusan harian penduduk.

Menurutnya, sebanyak RM10 juta diperuntukan bagi memastikan Program Bas Smart Selangor di kawasan pentadbiran MDHS.

“Dua buah bas disediakan melibatkan laluan Kuala Kubu Bharu (KKB)-Rasa-Bukit Sentosa sepanjang 37 kilometer sehala, dengan kekerapan 60 minit melalui beberapa kawasan tumpuan.

“Antaranya, Kuala Kubu Bharu, Rasa, Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa.

“Turut terlibat kawasan Perindustrian Zurah dan pejabat-pejabat Kerajaan di sekitar KKB,” menurutnya dalam kenyataan akhbar di sini.

Konsep perjalanan *Point to Point* iaitu sebuah bas bermula di Terminal Bukit Sentosa dan berakhir di Terminal



Dua buah bas disediakan melibatkan laluan Kuala Kubu Bharu-Rasa-Bukit Sentosa sepanjang 37 kilometer sehala, dengan kekerapan 60 minit melalui beberapa kawasan tumpuan.”

JUNAINAH ABDULLAH
Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Daerah Hulu Selangor

Bas KKB, manakala sebuah bas bermula dari Terminal Bas KKB dan berakhir di Terminal Bas Bukit Sentosa.

Bagi tahun ini, perkhidmatan Bas Smart Selangor turut diperluas di kawasan Majlis Perbandaran Selangor, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Daerah Kuala Langat dan Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Sabak Bernam.

Headline	PKR naikan sewa tapak bebaskan peniaga		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	76 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,502
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,506



PKR naikan sewa tapak bebaskan peniaga

SABAK BERNAM 9 Jun - Tindakan kerajaan PKR Selangor menaikkan sewa tapak Pasar Awam Sekinchan di sini dianggap tidak wajar jika dibandingkan dengan keadaan fizikalnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang, Budiman Mohd. Zohdi berkata, pasar berkenaan yang menjadi tumpuan penduduk setempat sewajarnya dinaik taraf terlebih dahulu kerana banyak kemudahannya didapati sudah uzur.

Katanya, jika sewa tapak dinaikkan juga, ia pasti membebankan peniaga kecil yang beroperasi di situ.

“Kita dapat aduan daripada peniaga yang kerajaan negeri menaikkan sewa dari RM80 hingga RM100 kepada RM180.

“Saya fikir ini sangat mendukacitakan kerana tiada satu pun penambahbaikan fizikal yang dibuat (oleh kerajaan negeri),” katanya.

Beliau yang juga calon Barisan Nasional (BN) bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar ditemui selepas melawat pasar tersebut di sini hari ini.

Headline	Tergamak ahli Pas beri undi kepada PAN		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	202 cm ²
Journalist	ZULKIFLI JALIL	AdValue	RM 4,029
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,087



Tergamak ahli Pas beri undi kepada PAN?

Oleh **ZULKIFLI JALIL**

pengarang@utusan.com.my

KATA pemerhati di Sungai Besar sekarang, Pas barangkali akan hilang sekurang-kurangnya 8,000 undi di situ kerana undi itu akan menyeberang ke PAN, 18 Jun ini.

Selain dakwaan PAN akan mengaut kira-kira 15 hingga 20 peratus undi daripada penyokong Pas memandangkan pemimpin-pemimpin PAN juga bekas orang penting dalam parti Islam itu, faktor Pas meraih undi bercampur-campur (undi Melayu dan Cina) pada 2013 juga menjadi congakan.

Tetapi tergamakkah ahli dan pengikut Pas memberi barang satu undi pun kepada PAN setelah segala 'kerusakan' yang dilakukannya terhadap Pas?

PAN semasa dalam gelanggang pilihan raya negeri Sarawak tempoh hari seakan bersendirian.

Tetapi masuk sahaja pilihan raya kecil Parlimen Sungai Besar, sudah jadi haru biru. Tak tahu siapa kaptennya. Mohamad Sabu atau Lim Kit Siang?

Nama sahaja baju jingga disarung ahli PAN, tetapi si pemakainya ahli DAP. Di tengah-tengah pekan Sekinchan kelmarin, Ahli Jawatankuasa DAP Selangor, Ronnie Liu selamba sahaja pakai baju berlogo PAN pasang papan iklan berunsur provokatif.

Siapa pun yang lalu-lalang di situ tidak kiralah mana-mana kaum tengok sahaja papan iklan berkenaan pasti sedar perkataan atau ayat yang terpampang tidak wajar dipaparkan begitu.

Ini sehinggakan gambar Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang habis dilanyaknya. Tetapi itulah PAN dan DAP.

Dalam kempen memasuki hari kelima semalam, calon Barisan Nasional (BN), Budiman Mohd. Zohdi begitu agresif. Secara solo sahaja sudah bersemuka dengan ribuan orang.

Pekan Sekinchan dulunya su-



kar ditembus, sekarang tampak menerima mesra kehadiran Budiman yang dipanggil 'Ah Man'. Bukan sahaja 9,166 pengundi Cina Sekinchan menjadi tumpuannya, malah 6,549 pengundi Melayu di situ juga fokusnya.

Adakah PAN dan DAP mula gentar dengan penangan calon BN ini?

PAN sekarang bukan lagi PAN beberapa bulan lalu. Dalam seminggu ini benar-benar ikut telunjuk DAP.

BN dilanyak di kanan, Pas dilenyeknya di kiri. Amat sukar dipercayai suatu ketika PAN merupakan parti serpihan Pas. Yakni, pemimpin-pemimpinnya datang daripada Pas yang tertonjol Islamiknya.

Wajah-wajah yang memakai baju rasmi jingganya di Sungai Besar tiada bezanya dengan mereka yang berbaju putih berlogokan Rokat.

PAN adalah harapan terakhir pakatan pembangkang diketuai DAP untuk mencalar bukan sahaja imej BN, bahkan 'menghabiskan' terus Pas sebelum tempo PRK ditutup tirainya 24 Jun ini.

Ini sekali gus memaksa DAP 'menunggu' laju PAN.

Dan kemudian, PAN dijulung sebagai pengganti Pas.

Headline	PAN digembala DAP semai kebencian kaum		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,301
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,903



PAN 'digembala' DAP semai kebencian kaum

SABAK BERNAM 9 Jun - PAN seolah-olah 'digembala' oleh pihak tertentu yang berkemungkinan DAP untuk menyemai kebencian rakyat pelbagai kaum di kawasan Parlimen Sungai Besar.

Merujuk tindakan PAN yang dikatakan menaikkan papan iklan berunsur provokatif perkauman di pekan Sekinchan semalam, calon Barisan Nasional (BN) Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd. Zohdi menegaskan, ia merupakan tindakan murahan yang sengaja diada-adakan untuk meraih sokongan pengundi Cina.

"Saya percaya DAP sengaja memasang papan iklan tersebut untuk menyemai kebencian masyarakat Tionghua terhadap orang Melayu.

"Malah tindakan menaikkan papan iklan itu, saya difahamkan diakui sendiri oleh Pengerusi DAP Selangor, Tony Pua menerusi laporan media hari ini. Saya percaya niat mereka itu supaya pengundi memilih parti sekutu mereka (PAN).

"Kita minta PAN jawab tudu-

han mengapa bersekongkol dengan pihak yang cuba menyemai kebencian antara kaum. Tempat ini kita dilahir dan dibesarkan, pengundi di sini amalkan kesederhanaan dan tolak politik serta kempen yang menyemai kebencian antara kaum," katanya dalam sidang akhbar di Pusat Operasi BN di Pasir Panjang di sini hari ini.

Budiman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang menyatakan akan menimbang untuk membuat laporan polis terhadap Setiausaha Publisiti DAP Selangor, Ng Suee Lim yang juga ADUN Sekinchan yang didakwa menuduh beliau memasang iklan berunsur provokatif perkauman itu pada papan iklan milik DAP.

"Pagi ini ketika saya melakukan *walkabout* di pekan Sekinchan, Ng Suee Lim datang meluru kepada saya. Beliau sebut saya pasang *banner* itu pada papan tanda milik mereka.

"Saya nafikan tuduhan beliau

itu malah iklan terbabit bukan mengikut prosedur operasi standard (SOP) saya. Bagi saya, semua tuduhan tersebut adalah satu tindakan terdesak pihak lawan yang cuba memalu serta mencemarkan karektor peribadi saya," ujarnya.



Kita minta PAN jawab tuduhan mengapa bersekongkol dengan pihak yang cuba menyemai kebencian antara kaum. Tempat ini kita dilahir dan dibesarkan, pengundi di sini amalkan kesederhanaan dan tolak politik serta kempen yang menyemai kebencian antara kaum."

BUDIMAN MOHD. ZOHDI
Calon BN

Headline	ADUN Sekinchan, Suee Lim main wayang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	97 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,917
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,751



ADUN Sekinchan, Suee Lim 'main wayang'?

SABAK BERNAM 9 Jun - Kalau nak dikira 'pelakon' nombor satu dalam pilihan raya kecil Parlimen Sungai Besar, adakah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sekinchan, Ng Suee Lim orangnya?

Mana tidaknya. Boleh pula ketika calon Barisan Nasional (BN), Budiman Mohd. Zohdi melakukan *walkabout* di pekan Sekinchan di sini, Suee Lim tiba-tiba meluru ke arahnya, menuduh pula BN kononnya memasang iklan



NG SUEE LIM

berunsur provokatif yang telah diturunkan petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) semalam.

Padahal, sudah terang lagi bersuluh semasa poster pada papan iklan kontroversi yang memuatkan perkataan 'Cina b**i' ditanggalkan, jurukempen PAN diketuai ahli jawatankuasa DAP Selangor, Ronnie Liu yang berada di situ menawarkan diri untuk menurunkannya dan pada masa sama menjerit-jerit mahu meny-

man BN andai diturunkan satu lagi poster memfitnah kerajaan.

Tindak-tanduk Suee Lim dengan cuba mengelirukan fakta sebenar mengenai pihak yang memasang iklan provokatif itu agak mengejutkan kerana difahamkan, Pengerusi DAP Selangor, Tony Pua sendiri mengakui DAP terlibat.

Barangkali adakah memang tugas Suee Lim selaku Setiausaha DAP Publisiti negeri untuk meraih publisiti murahan sehingga sanggup 'meluru' ke arah Budiman kerana menyedari portal propembangkang terutama *Malaysiakini* dengan kamera berada di depan matanya?

Headline	PAN, Pas mahu tunjuk handal		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	227 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,528
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,584



PAN, Pas mahu tunjuk handal

■ SABAK BERNAM 9 JUN

PAN dan Pas dilihat tidak berminat untuk menang dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Parlimen Kuala Kangsar sebaliknya lebih kepada mahu menunjukkan siapa yang lebih berupaya meraih sokongan pengundi.

Calon Barisan Nasional (BN) kerusi Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd. Zohdi berkata, perkara itu berlaku kerana kedua-dua parti pernah berada di bawah satu pakatan dengan semangat dan matlamat yang sama.

Namun kini, katanya, mereka bertanding di bawah bendera berbeza.

"Mereka (Pas dan PAN) bukan nak sangat bertanding dalam PRK ini untuk menang. Tapi nak tunjuk siapa lebih kuat sebab mereka adalah serpihan

antara satu sama lain," katanya di sini.

Dalam perkembangan berkaitan, Budiman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang memberitahu, beliau mengamalkan kempen secara minimum tetapi berstruktur.

Jelasnya, pendekatan sedemikian diambil berikutan pengundi di kawasan itu tinggal di kawasan rumah yang mempunyai laluan agak kecil.

"Kalau saya bawa ramai penyokong, nanti jalan menjadi sesak. Elok-elok orang itu nak undi saya, terus batalkan hasrat sebab marah," ujarinya.

Budiman menambah, kebiasaannya beliau berkempen dengan dua buah kenderaan.

"Salah sebuah kenderaan membawa barangan keperluan termasuk kerusi roda untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan," katanya.



BUDIMAN MOHD. ZOHDI menunjukkan ikrar Budiman dalam sidang akhbar di Pusat Gerakan BN di Sungai Besar, Selangor, semalam.

Headline	Provokasi kain rentang, papan iklan disiasat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	383 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,639
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,917



Provokasi kain rentang, papan iklan disiasat

KUALA LUMPUR 9 Jun - Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menjalankan siasatan berhubung provokasi pada kain rentang dan papan iklan yang dibuat pihak tertentu dalam kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) di Sungai Besar, Selangor, dekat sini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, pihaknya ada menerima laporan berhubung provokasi itu dan telah meminta pasukan paman-
tau Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk mengambil tindakan.

Menurut beliau, kain rentang dan papan iklan itu dilihat me-

ngancam keselamatan dan perlu diturunkan segera.

"Kita akan siasat siapa yang buat provokasi ini. Kita juga akan mengambil tindakan terhadap individu yang bertanggungjawab menaikkan kain rentang dan papan iklan itu sekiranya gagal dipatuhi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad Ke-81 di sini hari ini.

Tindakan parti pembangkang menaikkan papan iklan di kawasan pekan Sekinchan dekat

sini ketika kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) berlangsung dilihat bersifat provokasi dan perkau-
man sehingga boleh membangkitkan sentimen kebencian untuk menarik pengundi.

Sehubungan itu, Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin dalam kenyataannya sebelum ini memberitahu, kempen berbentuk provokasi yang dimainkan pihak pembangkang sangat tidak bertanggungjawab.

Berikutan itu, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) harus mengambil tindakan yang cepat untuk menurunkan segala papan iklan itu.



JENTERA pilihan raya Barisan Nasional (BN) rancak memasang bendera BN di sepanjang jalan dari Sekinchan hingga Sungai Besar di Kampung Sungai Nibong, Sungai Besar, semalam.

Headline	FAKIR MISKIN. MUALAF TERIMA SUMBANGAN		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	2	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	196 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,874
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,621



FAKIR MISKIN, MUALAF TERIMA SUMBANGAN

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyampaikan sumbangan jari raya kepada fakir miskin dan muafaf pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat di Masjid Negeri, Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/IZHAM JAAFAR

Headline	2,000 peniaga sertai Festira		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	46	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	275 cm ²
Journalist	Norzamira Che Noh	AdValue	RM 9,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,438



2,000 peniaga sertai Festira

➔ Usaha PREC bantu pacu ekonomi usahawan Bumiputera

Oleh Norzamira Che Noh

bhnews@bh.com.my

► **Shah Alam**

Seramai 2,000 peniaga menyertai Festival Ramadan Selangor (Festira) 2016 yang dianjurkan serentak di lima lokasi bawah jagaan PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC) bermula 27 Mei lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Fakru Radzi Ab Ghani berkata, sebagai sebuah entiti pembangunan hartanah dan pengurusan aset di Selangor, PREC akan memberi tumpuan memajukan ekonomi serta kepentingan peniaga terutama golongan Bumiputera yang berkecukupan.

“Justeru, Festival ini adalah satu usaha PREC untuk membantu memajukan ekonomi dan memberikan sumbangan signifikan kepada sosioekonomi rakyat terutama dari segi penyediaan peluang perniagaan.

“Festira akan berlangsung selama 40 hari dan berakhir pada 5 Julai ini.

Lebih menakjubkan, pengunjung tidak perlu bersesak dalam keadaan panas kerana di Festira, mereka boleh membeli-belah dalam suasana berhawa dingin,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Festira 2016 di Pusat Beli Belah SACC, di sini, semalam.

Lima kawasan

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan Selangor, Amirudin Shari.

Sempena penganjuran yang memasuki kali kedua ini, PREC memilih lima kawasan bagi menayakan Festira iaitu di Kompleks PKNS Shah Alam dan Pusat Beli Belah SACC, Shah Alam; Kompleks PKNS Bangi; Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam dan Spektrum Mall, Ampang Jaya

Fakru Radzi berkata, penganjuran Festira pada kali ini turut mendapat kerjasama kerajaan negeri.

Headline	2,000 peniaga sertai Festira		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	46	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	275 cm ²
Journalist	Norzamira Che Noh	AdValue	RM 9,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,438



Fakru Radzi bersama Amirudin dan Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah melawat tapak jualan selepas perasmian Festival Ramadan Selangor di SACC Mall, Shah Alam, semalam.

Headline	Pinda Akta 133 berkesan hukum peniaga degil		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	545 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,715
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,145



Pinda Akta 133 berkesan hukum peniaga degil

Sudah tiba masanya Akta 133, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, dipinda kerana ia tidak lagi relevan untuk diguna pakai ketika ini yang menyebabkan pemilik premis perniagaan masih berdegil membolot laluan kaki lima dan ruang parkir untuk berniaga, sekali gus menggambarkan mereka tidak takut dengan pelaksanaan undang-undang di negara ini.

Ketua Kluster Governans, Perundangan dan Pengurusan Awam, Majlis Profesor Negara (MPN), Profesor Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood, berkata pindaan terhadap akta itu mudah dilakukan oleh menteri bertanggungjawab (Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) kerana ia hanya membabitkan undang-undang kecil.

Semakin 'besar kepala'

Katanya, jika dilihat, kompaun serendah RM50 tidak setimpal menjadikan pemilik premis semakin 'besar kepala' dan tidak gentar dengan undang-undang dikenakan terhadap mereka.

"Ia sekali gus menyebabkan pemilik premis berkenaan semakin berani meletakkan barang seperti kerusi dan meja di tempat yang salah yang dapat mengundang risiko kesesakan lalu lintas dan yang lebih teruk lagi risiko kemalangan.

"Kedegilan peniaga meletak barangan sesuka hati juga menggambarkan bahawa pihak berkuasa tidak menjalankan tugas seperti diharapkan.

"Pada hemat saya, kompaun dari RM50 wajar dinaikkan sehingga RM1,000 selain memperkemaskan langkah penguatkuasaan. Ini adalah untuk memperkasakan akta sedia ada," katanya.

Walaupun kadar kompaun dinaikkan, Nik Ahmad Kamal berkata,

pemantauan dan penguatkuasaan juga perlu pada masa sama dan dilakukan dengan kerap supaya masalah ini dapat diselesaikan.

Beliau berkata demikian mengulas kadar kompaun rendah yang dinyatakan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Dr Badrul Hisham Kassim menyebabkan pemilik perniagaan terus mengulangi kesalahan meletakkan meja dan kerusi di ruang parkir di hadapan premis perniagaan mereka.

Bersetuju dengan pindaan terbaik, bekas Profesor Jabatan Pengurusan Awam dan Undang-undang Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Ahmad Atory Husaain menggesa supaya pihak berkuasa tempatan (PBT) lebih agresif mengadakan pemantauan bagi membanteras masalah ini terus menular.

Beliau berkata, walaupun ada pihak yang menganggap meletak kerusi dan meja di kaki lima dan di ruang parkir yang dilakukan pemilik restoran tidak mengundang bahaya, tetapi malang tidak berbau.

Ahmad Atory berkata, makan di tepi jalan raya tetap berhadapan risiko kecelakaan seperti dilanggar kereta dan sebagainya.

Gesa naikkan kadar kompaun

"Pemilik premis perniagaan kaut pendapatan berlipat kali ganda. Apa salahnya kerajaan negeri mahupun Kerajaan Pusat berbincang supaya akta berkaitan dipinda.

"Misalnya, di Alor Setar, Kedah, ada yang dikompaun RM10. Semua orang mampu bayar. Saya gesa pihak berkenaan menaikkan kadar kompaun.

"Walaupun PBT di bawah kuasa kerajaan negeri, hakikanya, kita sebenarnya patut ada satu standard dengan menyeragamkan kompaun di setiap negeri," katanya.

Headline	Pinda Akta 133 berkesan hukum peniaga degil		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	545 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,715
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,145



Walaupun ada pihak menganggap meletak kerusi dan meja di kaki lima dan di ruang parkir yang dilakukan pemilik restoran tak undang bahaya, biasanya malang tidak berbau”

Ahmad Atory Husain,
Bekas Profesor Jabatan Pengurusan Awam dan Undang-undang
Universiti Utara Malaysia (UUM)



Peluang berniaga yang diberikan perlu digunakan sebaiknya namun jangan sampai ganggu aliran trafik”

Mohd Affandi Abu,
Pensyarah



Tindakan tegas perlu diambil terhadap peniaga kerana menyusahkan orang ramai untuk mencari ruang meletak kereta”

Nurnani Hakim,
Pelajar universiti

[FOTO HAIRUL NAJIB ASARULAH KHAN/BH]



Gambar atas dan bawah menunjukkan pemilik restoran terus membolot tempat parkir kereta dengan meletakkan kerusi meja sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas di Kemayan Square, Seremban.

Headline	PBT perlu telus laksana tanggungjawab		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12,13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	889 cm ²
Journalist	Azran Jaffar	AdValue	RM 30,645
Frequency	Daily	PR Value	RM 91,934



PBT perlu telus laksana tanggungjawab

➔ Pemilik restoran mampu bayar kompaun, tak kisah dikenakan tindakan

Oleh Azran Jaffar, Suhael Adnan, Fahmy Azril Rosli dan Khairul Najib Asarulah Khan

► Kuala Lumpur

Isu pemilik restoran berterusan meletakkan kerusi dan meja di kaki lima dan ruang parkir sehingga menimbulkan masalah kesesakan dan memberikan risiko kemalangan kepada pengunjung kerana peniaga mampu membayar kompaun dikenakan.

Setiausaha Agung Yayasan Anti Rasuah Malaysia, Md Alimuddin Rahim, berkata ini menyebabkan mereka tidak bermasalah jika didenda sekali gus menjadikan masalah ini terus berlarutan.

Justeru katanya, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu telus dalam melaksanakan tanggungjawab dan melakukan pemantauan secara adil bagi memastikan masalah ini dapat dibanteras.

Katanya, tidak dinafikan PBT menghadapi kekangan dari segi anggota penguat kuasa menyebabkan walaupun tindakan diambil tetapi selepas itu perkara sama berlaku.

Apa yang penting katanya, adalah ketegasan kerana jika melihat kepada negara luar terutama negara maju, jika sesuatu itu dikatakan tidak boleh bermakna ia sememangnya tidak boleh.

Tak boleh bertoleransi

Dalam menangani masalah ini PBT

juga perlu bekerjasama dengan agensi berkaitan seperti polis bagi memastikan segala tindakan diambil kepada peniaga tidak berulang.

“Bagi peniaga yang ingkar tindakan pertama adalah amaran, diikuti menyita dan jika masih berdegil mengambil tindakan mahkamah. Kita tidak boleh bertoleransi dalam hal ini.

“Kadang-kadang kita melihat berlaku pertindihan tugas antara agensi yang menyebabkan sesuatu perkara itu seperti tidak ada penyelesaian.

“Kita tidak mahu halang orang berniaga tetapi perniagaan berkeajaan hendaklah dilakukan mengikut undang-undang dan pada masa sama kita tidak mahu melihat penguat kuasa mengambil kesempatan kerana perkara sebegini mewujudkan peluang,” katanya.

Md Alimuddin berkata, jika sesuatu jalan itu dibenarkan untuk peniaga meletakkan kerusi dan meja, ia hendaklah diwartakan dan diuar-uarkan kepada orang ramai supaya tidak timbul masalah dan pada masa sama ia hendaklah dilaksanakan dengan bersyarat serta dilakukan secara betul kerana apa yang kita lihat banyak perkara yang tidak betul.

Perkara ini juga perlu ada hitam putih dengan pewartaan hasil yang dikutip dapat disalurkan sebagai

pendapatan PBT.

Tak serius tangani masalah

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan, berkata masalah terbabit berulang kerana PBT tidak serius menanganinya.

Jika PBT melakukan kerja yang sama bertahun-tahun, bagaimana masalah ini berulang sehingga peniaga seolah-olah tidak takut kepada penguat kuasa, katanya.

Katanya, PBT perlu mengambil tindakan lebih berkesan dengan meningkatkan kekerapan tindakan.

“Ketika ini peniaga sudah tidak kisah lagi dengan penguat kuasa yang tidak bersungguh, kadang-kadang mereka di saman, tetapi kadang-kadang dibiarkan.


“Ada juga pihak mendakwa wujud budaya ‘membayar’ antara peniaga dan PBT. Saya tidak pasti dengan kebenarannya, tetapi ia tidak mustahil berlaku,” katanya.

Nadzim berkata, PBT perlu berani melaksanakan perubahan kerana jika kita tidak serius, masalah sama mungkin berulang untuk 20 tahun akan datang.

PBT perlu meningkatkan pemantauan supaya orang ramai tidak terganggu, selain perlunya meningkatkan kadar kompaun supaya peraturan dan undang-undang tidak dipandang rendah.

Headline	PBT perlu telus laksana tanggungjawab		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12,13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	889 cm ²
Journalist	Azran Jaffar	AdValue	RM 30,645
Frequency	Daily	PR Value	RM 91,934

PENIAGA BOLOT RUANG PARKIR KENDERAAN



Kompaun dari RM50 wajar dinaikkan sehingga RM1,000 selain memperkemas langkah penguatkuasaan. Ini adalah untuk memperkasakan akta sedia ada”


Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood,
Ketua Kluster Governans, Perundangan dan
Pengurusan Awam, Majlis Profesor Negara (MPN)

Headline	PBT perlu telus laksana tanggungjawab		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12,13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	889 cm ²
Journalist	Azran Jaffar	AdValue	RM 30,645
Frequency	Daily	PR Value	RM 91,934



Pemilik restoran seolah-olah tidak takut dengan pelaksanaan undang-undang dengan berterusan meletakkan kerusi meja di kaki lima premis walaupun masalah ini sudah dilaporkan BH.

Headline	PBT perlu telus laksana tanggungjawab		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12,13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	889 cm ²
Journalist	Azran Jaffar	AdValue	RM 30,645
Frequency	Daily	PR Value	RM 91,934



Headline	Budiman ikrar balas jasa pengundi jika dipilih YB		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	7	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	435 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,937
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,811



Budiman ikrar balas jasa pengundi jika dipilih YB

➔ Tiga aspek diutamakan iaitu pendidikan, ekonomi serta ekopelancongan

► Sungai Besar

Calon Barisan Nasional (BN) Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi melancarkan 'Ikrar Budiman' sebagai aku janji kerja yang akan dilaksana sebaik mendapat mandat sebagai Ahli Parlimen Sungai Besar.

Budiman berkata, Ikrar Budiman membabitkan tiga aspek utama iaitu 1Keluarga 1Mahasiswa; inovasi ekonomi dan Sungai Besar sebagai agro serta ekopelancongan, yang diyakini mampu dilaksanakan melalui sokongan berterusan daripada rakyat.

"Pagi tadi (semalam), saya melawat pasar Sekinchan dalam program temu mesra dan mendapati keadaan persekitaran pasar awam itu sangat kotor; tidak terurus serta kemudahan infrastruktur yang teruk.

"Agenda saya adalah memberi jaminan menambah baik infrastruktur pasar awam itu bagi kemudahan peniaga dan keselesaan penduduk," katanya pada sidang

media di sini, semalam.

Budiman berkata, pada lawatan berkenaan, beliau juga dimaklumkan peniaga mengenai kenaikan harga sewaan tapak niaga di pasar awam itu daripada RM80 kepada RM100 dan terkini, RM180 yang membebaskan peniaga sedangkan tiada penambahbaikan kemudahan infrastruktur di situ oleh kerajaan negeri yang diterajui PKR.

Pasang iklan perkauman

Sementara itu, Budiman percaya DAP sengaja memasang papan iklan parti yang bersifat perkauman bagi mempromosi kebencian masyarakat Cina terhadap orang Melayu untuk kepentingan politik mereka.

"Saya ingin Parti Amanah Negara (Amanah) yang kononnya mempunyai fikrah Islam menjawab persoalan mengapa mereka sanggup bersekongkol mempromosi dan menyemai kebencian politik dalam kalangan penduduk Sungai Besar yang selama ini tidak mengamalkan politik sedemikian," katanya.

Headline	Budiman ikrar balas jasa pengundi jika dipilih YB		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	7	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	435 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,937
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,811

Info

3 aspek Ikrar Budiman

- **1Keluarga 1Mahasiswa**
- **inovasi ekonomi**
- **Sungai Besar** sebagai agro dan ekopelancongan

→ **menambah baik** infrastruktur pasar awam bagi kemudahan peniaga dan kesejahteraan penduduk

Headline	Budiman ikrar balas jasa pengundi jika dipilih YB		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	7	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	435 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,937
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,811

PARLIMEN SUNGAI BESAR

[FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH]



Ketua Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil bersama Budiman (empat dari kiri) beramah mesra dengan peniaga Bazar Ramadan di Pasir Panjang, semalam.

Headline	Tiada koordinasi punca papan iklan provokasi dinaikkan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	7	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	166 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,722
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,166



Tiada koordinasi punca papan iklan provokasi dinaikkan

Sekinchan: Tiada koordinasi antara jentera Pakatan Harapan (PH) menyebabkan papan iklan berbaur hasutan dan perkauman dinaikkan di sekitar pekan di sini, tengah hari kelmarin.

Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara (Amanah), Khalid Samad mengakui DAP yang bertanggungjawab menaikkan papan iklan itu tidak berjumpa dan berbincang dengan mereka mengenai perkara itu.

Namun, katanya, beliau sudah bertemu Ketua Publisiti DAP, Tony Pua yang bersetuju untuk tidak menaikkan lagi papan iklan sedemikian.

"Tony menjelaskan masyarakat Tionghua di sini yang mahu papan iklan itu dinaikkan kerana sudah lama memendam rasa dengan kenyataan 'Cina babi'.

"Tetapi saya berjanji selepas ini tiada lagi papan iklan atau kain pemidang yang seperti itu daripada PH," katanya di pejabat DAP Sekinchan di sini, semalam.

Kelmarin, tiga papan iklan berbaur perkauman dinaikkan di tengah pekan ini sehingga menimbulkan kemarahan masyarakat setempat.

DAP mengaku bertanggungjawab

DAP mengaku bertanggungjawab menaikkan iklan berkenaan, tetapi selepas menerima bantahan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iklan berkenaan diturunkan.

Calon PAS, Dr Abdul Rani Osman, berkata kempen berbaur provokasi seperti dilakukan DAP dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar kelmarin sudah tidak relevan lagi dalam dunia politik moden hari ini.

Beliau berkata, kempen provokasi menggunakan bahasa kesat dan jelik pada sepanduk dipasang DAP hanya mencerminkan sikap sebenar parti itu yang menolak konsep politik matang serta sejahtera yang semakin diterima masyarakat kini.

Abdul Rani turut mempersoal tindak tanduk DAP yang lebih agresif berkempen dalam PRK kali ini berbanding Amanah termasuk menggunakan Rang Undang-Undang (RUU) Persendirian berhubung Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah (Pindaan) 2016 untuk menakutkan pengundi bukan Melayu.

Headline	Tiada koordinasi punca papan iklan provokasi dinaikkan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	7	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	166 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,722
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,166





10 Jun 2016

Harian Metro, Malaysia

Author: Hairulazim Mahmud • Section: Setempat • Page: 50 • Printed Size: 304.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 11,975.76
PR value: MYR 35,927.28 • Item ID: MY0026241533

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 2

Beri isyarat kita stabil

■ Kemenangan di dua PRK penting untuk bawa kebaikan kepada rakyat

**Hairulazim Mahmud,
Muhammad Saufi Hassan
dan Siraj Mohd Zaini**
am@hmetro.com.my

“Kemenangan Barisan Nasional (BN) di Sungai Besar dan Kuala Kangsar ini isyarat kepada dunia bahawa negara kita stabil dan adalah negara yang rakyatnya memberi kepercayaan kepada BN,” kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, sekiranya BN berjaya mengekalkan kedua-dua kerusi itu adalah isyarat bahawa rakyat terus memilih parti berkenan memerintah negara ini.

Kerana itu, kata beliau, khidmat dan bakti kepada rakyat mesti dipertingkatkan dan diteruskan.

“Saya harap semua memberi sokongan kepada kerajaan BN seperti di Sarawak.

“Jangan ikut hati dan emosi tetapi kita mesti berfikir dengan minda tenang serta rasional kerana kita mahu keharmonian, kestabilan dan kerajaan yang peka seterusnya prihatin kepada kebajikan rakyat,” katanya semasa berucap pada Majlis Berbuka Puasa Perdana Menteri Bersama Rakyat di Masjid Ma'muniah di Simpang Lima di sini, malam tadi.

Turut hadir, Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mo-

hamad Hasan, Pengerusi BN Selangor Tan Sri Noh Omar dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil.

Sebelum itu Najib berbuka puasa dan solat Maghrib berjemaah bersama ahli kariah kawasan berkenaan.

Dalam pada itu, Najib berjanji akan terus memberikan tumpuan kepada golongan petani, pesawah, pekebun kecil dan nelayan.

“Tunggulah sehari dua ini kerajaan akan umumkan sesuatu untuk mereka, ini bukan rezeki bagai pipih datang melayang yang bulat datang bergolek,” katanya.

Sementara itu, beliau secara sinis mempersoalkan pendirian Kerajaan Negeri Selangor sama ada berpihak kepada PAS atau Parti Amanah Negara (PAN) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar kali ini.

Katanya, rakyat keliru dengan keclaruan yang berlaku dalam kalangan parti pembangkang.

“Di mana letaknya pendirian Kerajaan Negeri Selangor yang ketika ini tidur sebantol tapi mimpi lain-lain,” katanya.

PAS adalah rakan sekutu Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam kerajaan negeri manakala PAN adalah rakan PKR dalam pakatan pembangkang.

Pada PRK berkenaan pada 18 Jun ini menyaksikan pertandingan tiga penjujur antara BN, PAS dan PAN.



10 Jun 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: Hairulazim Mahmud • Section: Setempat • Page: 50 • Printed Size: 304.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 11,975.76
PR value: MYR 35,927.28 • Item ID: MY0026241533



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



NAJIB dan calon, BN, Budiman Mohd Zohdi (dua dari kiri) pada majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Ma'muniah, Simpang Lima.



Bantah sewa pasar Sekinchan naik

**Kira-kira 50 peniaga Pasar Awam
Sekinchan terkejut tindakan
Majlis Daerah Sabak Bernam
(MDSB) naikkan sewa dari RM20
hingga RM90 sebulan berkuat
kuasa awal Januari lalu**

www.sinarharian.com.my

5 PALING HANGAT

PILIHAN PEMBACA SINAR ONLINE!

1



GARA-GARA BENGANG, PENIAGA BAKAR GERAI

BENGANG apabila anggota penguat kuasa merampas kanopi niaga di bazar Ramadan, seorang peniaga bertindak membakar gerai diusahanya tanda protes kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Dalam kejadian kira-kira jam 5.05 petang itu, peniaga terbabit tidak dapat menahan emosi apabila anggota penguat kuasa mengangkut peralatan niaga yang mula beroperasi.

Headline	Terbeban kadar sewa baharu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	42	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	280 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,776
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,328



Terbeban kadar sewa baharu

Peniaga di Pasar Awam Sekinchan kesal kenaikan berbeza mengikut jenis perniagaan

SUNGAI BESAR - Kira-kira 50 peniaga Pasar Awam Sekinchan kesal dengan tindakan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) menaikkan kadar sewa dari RM20 hingga RM90 sebulan setiap petak, berkuat kuasa Januari lalu.

Kenaikan yang dikenakan MDSB termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak enam peratus itu disifatkan sebagai membebankan terutama dalam keadaan peniaga dihimpit tekanan kos sara hidup tinggi.

Peniaga juga kesal apabila kenaikan itu berbeza mengikut jenis perniagaan, contohnya peniaga ayam mengalami kenaikan daripada RM100 kepada RM190, peniaga ikan RM60 kepada RM108, manakala peniaga sayur-sayuran RM70 berbanding RM50 sebelum ini.

Peniaga ayam, Puah Chun Wan, 49, berkata, kenaikan sebanyak RM90 setiap bulan amat dirasai peniaga kerana mereka hanya bergantung harap kepada sumber pendapatan itu bagi menampung kos kehidupan.

"Janganlah naik terlalu tinggi, tolong faham masalah kami. Sebelum naik, patut bincang dengan peniaga dulu.

"Kenaikan sewa tapak ini amat tak wajar. Saya harap MDSB kaji semula perkara ini termasuk caj yang dikenakan agar tak bebankan peniaga," katanya.

Peniaga ikan, Heng Liang Huat, 50, berkata, pendapatan peniaga ikan tidak menentu hingga pernah menutup operasi perniagaan akibat ketiadaan bekalan ikan.

"Kalau ikan tak ada macam mana nak berniaga.

Pernah juga saya tak jual ikan lebih tiga hari sebab masalah ini," katanya.

Peniaga sayur, Abdul Halim Sabran, 47, berkata, meskipun kadar sewa naik RM20, tetapi mereka tetap merasai kesannya.

"Nasib baik, majlis (MDSB) tak naik sewa melampau kepada peniaga sayur macam peniaga lain. Saya rasa, kalau harga naik kami pun susah nak dapat untung," katanya.

Sementara itu, calon Pas Kawasan Parlimen Sungai

Besar, Dr Abdul Rani Osman berharap Adun Sekinchan, Ng Suee Lim dapat menyelesaikan masalah peniaga berkenaan.

"Sebagai Adun, beliau kena tegas dalam hal ini. Jangan biarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) naikan kadar sewa yang bebankan peniaga," katanya.

Calon BN, Budiman Mohd Zohdi, melahirkan rasa kecewa dengan kenaikan sewa yang dikenakan kepada peniaga di Pasar Awam Sekinchan.

Beliau akan membawa agenda membaik pulih dan memberi keselesaan kepada peniaga supaya pasar tersebut terus berfungsi dengan baik.



CHUN WAN



Peniaga ayam mengeluh berikutan kenaikan sewa hingga RM90 menjadi RM190 sebulan.

Headline	Belanja raya Festira 2016		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	41	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	249 cm ²
Journalist	AHMAD ISMADI ISMAIL	AdValue	RM 4,247
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,742



Belanja raya Festira 2016

Aktiviti beli belah tahunan anjuran PKNS

■ AHMAD ISMADI ISMAIL

SHAH ALAM - Lebih 500 gerai jualan disediakan untuk orang ramai membeli-belah sempena Aidilfitri dalam Festival Ramadan Selangor (Festira) 2016.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, Festira merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Real Estate Sdn Bhd.

"Ia berlangsung selama 40 hari bermula 27 Mei hingga 5 Julai di SACC Mall, Kompleks PKNS Shah Alam dan Kompleks PKNS Bangi," katanya.

Menurutnya, Festira pada tahun ini juga berjaya meluaskan lagi pengaruh hasil kerjasama dengan Kerajaan Selangor.

"Festira turut diadakan di Stadium Malawati Shah Alam pada 25 dan 26 Jun serta 2 dan 3 Julai, juga akan berlangsung pada dua minggu terakhir sebelum raya di Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam dan lokasi terakhir di pusat membeli-belah Spectrum, Ampang Jaya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menganggarkan lebih 2,000 peniaga akan mengambil bahagian dalam festival itu.

"Kita peruntukkan kira-kira RM300,000, di mana 70 peratus daripada RM300,000 itu kita berikan balik kepada peniaga dalam bentuk menyediakan prasarana dan kemudahan untuk mereka berniaga," katanya.

Amirudin berkata, terdapat

pelbagai program dirancang antaranya, pengunjung berpeluang beramah mesra dengan pemain bola sepak Selangor dalam jamuan berbuka puasa pada 25 Jun ini di Stadium Malawati.

"Selain itu, ada juga program bersama anak yatim dan program terbuka bersama masyarakat dan komuniti serta persembahan kebudayaan dan tazkirah," katanya dalam sidang media selepas merasmikan festival berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PKNS Real Estet Sdn Bhd, Fakru Radzi Ghani berkata, pengunjung Festira 2016 juga berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik sepanjang Ramadan ini.

"Festira 2016 ini turut menampilkan pelbagai jenis produk. Ia bersesuaian dengan golongan yang mempunyai bajet kecil untuk membeli-belah, mereka boleh berkunjung ke Kompleks PKNS, manakala golongan bajet besar untuk berbelanja pula boleh datang ke SACC Mall," katanya.

Menurutnya, artis terkenal seperti Liza Hanim, Raja Farah dan Faiz Dickie dipilih sebagai duta Festira 2016.

"Festira pada kali ini juga turut menampilkan dua ruang perniagaan terbaharu iaitu Jameela Street di tingkat 2 dan 3 SACC Mall sebagai 'Fashion Circle' bagi fesyen Muslimah trendy.

"Satu lagi lokasi perniagaan dalam Festira kali ini adalah 'Tempat Orang Lokal' di Kompleks PKNS Shah Alam yang dapat menarik pengunjung baru, terutamanya golongan muda," katanya.

Headline	Belanja raya Festira 2016		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	41	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	249 cm ²
Journalist	AHMAD ISMADI ISMAIL	AdValue	RM 4,247
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,742



Amirudin (empat kanan) bergambar bersama pegawai PKNS Real Estate Sdn Bhd dan duta Festira 2016

Headline	Warga Ijok terima kunjungan sultan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	40	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	698 cm ²
Journalist	ARZIANA ARZAMAN	AdValue	RM 11,906
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,718



Warga Ijok terima kunjungan sultan

Baginda berkenan rasmi Masjid Darul Ibadah, beri sumbangan kepada asnaf dan saudara baharu

■ ARZIANA ARZAMAN

IJOK - Seramai 319 penduduk yang juga asnaf fakir miskin dan 150 saudara baharu diraikan pada Majlis Berbuka Puasa (Ihya Ramadan) Sultan Selangor Bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya di Kampung Harmoni.

Pada majlis sama, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah turut berkenan merasmikan Masjid Darul Ibadah Kampung Harmoni yang siap dibina pada Mei 2014 lalu dengan kos RM5.39 juta di atas tapak seluas 1.4 hektar.

Sebanyak RM234,500 duit raya disampaikan kepada 469 penerima

pada majlis yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Datuk Haris Kasim.

Hadir sama, Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim; Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Noraini Roslan; Pegawai Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor dan Orang Besar Daerah Kuala Selangor, Datuk Mohamad Yaakob Ismail.

Sementara itu, Haris dalam ucapannya berkata, pemilihan lokasi terbuka puasa berbeza setiap tahun bagi memastikan semua masjid diberi peluang menjadi tuan rumah dan se-

banyak 13 masjid kariah, sebuah masjid Diraja serta 13 masjid institusi dipilih pada tahun ini.

"Tahun ini juga, LZS mengenal pasti asnaf fakir miskin setiap daerah di negeri ini dan memperuntukkan RM1.98 juta diagihkan sebagai sumbangan hari raya.

"Dianggarkan 3,978 penerima bakal menerima bantuan berdasarkan bancian dan mengikut had kifayah.

"Manakala RM1.05 juta sumbangan hari raya kepada 2,100 mualaf. Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban mereka yang memerlukan dan menggembirakan hati penerima bantuan sebagai persediaan menyambut Syawal," katanya.



Ketibaan Sultan Selangor disambut mesra sempena Majlis Berbuka Puasa dan Sumbangan Hari Raya di Masjid Darul Ibadah Kampung Harmoni.

Headline	Warga Ijok terima kunjungan sultan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	40	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	698 cm ²
Journalist	ARZIANA ARZAMAN	AdValue	RM 11,906
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,718



Pelajar tahfiz berselawat sepanjang ketibaan Sultan Selangor sempena majlis berbuka puasa, semalam.



Sebahagian tetamu yang hadir memeriahkan Majlis Berbuka Puasa dan Sumbangan Hari Raya di Masjid Darul Ibadah Kampung Harmoni.



Sultan Sharafuddin menyampaikan sumbangan kepada fakir miskin.

Headline	Warga Ijok terima kunjungan sultan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	40	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	698 cm ²
Journalist	ARZIANA ARZAMAN	AdValue	RM 11,906
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,718



Headline	MPKj hanya lulus satu tapak		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	37	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	220 cm ²
Journalist	NUR FARHANA ABDUL MANAN	AdValue	RM 3,753
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,259



MPKj hanya lulus satu tapak

PBT itu perjas isu kekecohan di bazar Taman Impian Ehsan

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

KAJANG – Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menegaskan pihaknya tidak boleh memberi kelulusan kebenaran berniaga di dua lokasi terletak berhampiran bagi penganjuran tapak pasar juadah (bazar Ramadan).

Penolong Pegawai Tadbir, Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam MPKj, Nakhirah Mohd Noor berkata, pihaknya sudah meluluskan satu tapak bazar bagi kawasan Taman Impian Ehsan iaitu di belakang Pangsapuri Zapin.

Mengulas tindakan kira-kira 50 peniaga yang mengadakan protes mendesak MPKj membenarkan mereka berniaga di Jalan Cengal 4, Taman Impian Ehsan, petang kelmarin Nakhirah berkata, peniaga tersebut tidak mempunyai kelulusan berniaga di lokasi itu.

MPKj katanya, hanya meluluskan 34 lokasi pasar juadah tahun ini dan lokasinya boleh diperoleh menerusi laman sesawang MPKj.

Katanya, pelawaan penganjuran dibuka antara Januari

Penjaja bazar nekad bakar gerai

Kesal kawasan tapak niaga tak dibenarkan beroperasi, enggan pindah ke lokasi baharu yang didakwa tidak strategik

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

BALAKONG – Berang apabila pengat kuasa merampas kanopi perniagaan diarakkan, seorang peniaga bertindak membakar gerai bazar Ramadan di kawasan sebagai tanda protes, petang semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.05 petang ini, peniaga tersebut dikatakan tidak dapat menahan emosi apabila pengat kuasa bertindak menggarap pendirian perniagaan lada merah beroperasi di tapak tersebut.

Sebelum itu, kira-kira 20 peniaga mengadakan protes mendesak pihak berkuasa tempatan (PBT) membenarkan mereka beroperasi di sepanjang Jalan Cengal 4, Taman Impian Ehsan.

Bagaimanapun, lada merah bertolak semasa apabila seorang daripada peniaga tersebut menyalak peniaga-peniaga lain yang hadir.

Pertembungan diakhiri antara peniaga dan PBT pagi semalam kerana pihak berkuasa terpaksa menyalak kepada pihak berkuasa mengenai peniaga bertindas memusnahkan operasi perniagaan di tapak yang wujud sejak 18 tahun lalu.

"Kawasan bazar di sini sudah berusia 18 tahun lalu, PBT arak kami pindah ke lokasi dalam hutan tahun lepas. Kami kutu arak dan bazar di tempat diarakkan tapi perniagaan hancur."

"Tahun ini kami nekad berniaga dan lokat di tempat lama. Kami harap mereka bersetuju kami berniaga di sini 26 hari lagi, kami buatkan bazar bazar lama dalam pias."

"Kami patuh semua prosedur, ambil suruhan dengan kepala dan sebagainya... meragukan tidak berniaga di sini walaupun pernah sudah jadi diarakkan berpeleksi" katanya.

"Ak mahu tanggung rugi..."



Seorang peniaga bertindak membakar gerai di kawasan sebagai tanda protes kepada MPKj.

Laporan Sinar Harian semalam mengenai protes peniaga di Taman Impian Ehsan.

dan Februari, manakala permohonan dan pertimbangan dibuat pada Mac.

"Mana-mana penganjuran yang tidak berjaya sudah dimaklumkan pada April. MPKj memang tidak luluskan penganjuran pasar juadah (bazar Ramadan) di Jalan Cengal 4 dan peniaga tidak boleh berniaga di situ kerana wujud cacau gangguan lalu lintas," katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun peniaga yang terbabit masih diberi ruang menjalankan perniagaan di bazar yang sudah

diberi kelulusan oleh pihaknya.

Semalam, *Sinar Harian* melaporkan seorang peniaga bertindak membakar gerai bazar Ramadan diusahakan sebagai tanda protes kepada MPKj apabila penguat kuasa merampas kanopi perniagaan dijalankan.

Sebelum itu, kira-kira 50 peniaga mengadakan protes mendesak MPKj membenarkan mereka menjalankan perniagaan di sepanjang Jalan Cengal 4, Taman Impian Ehsan.

Headline	Potensi bangunkan Jeti Nelayan Sungai Besar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	6	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	50 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 492
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,476



Potensi bangunkan Jeti Nelayan Sungai Besar

SUNGAI BESAR - Calon Parti Amanah Negara (Amanah), Azhar Ab Shukor menyatakan Jeti Nelayan Sungai Besar mempunyai potensi dibangunkan lebih maju.

Beliau berkata, mengambil contoh pasar segar di luar negara seperti di Sydney, Australia, tempat tersebut menjadi tempat tumpuan masyarakat setempat dan pelancong.

"Jeti Nelayan Sungai Besar merupakan

sebuah tempat pengumpulan terbesar di Selangor, kita ada satu produk terbaik. Kalau kita boleh bangunkan tempat ini lebih tersusun, ia sesuatu yang luar biasa.

"Kalau dibangunkan, saya rasa Sungai Besar akan menerima kunjungan orang ramai. Ramai yang tak tahu macam mana hasil laut dinaikkan dan saya harap tempat ini boleh dibangunkan sebagai tempat pelancongan," katanya.

Headline	Azhar bukan boneka DAP		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	6	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	88 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 866
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,599



Azhar bukan boneka DAP

SHAH ALAM - Setiausaha Parti Amanah Negara (Amanah), Mohd Anuar Tahir menyangkal dakwaan bahawa calon Amanah di PRK Sungai Besar, Azhar Abdul Shukor sebagai boneka DAP.

"Hanya kerana beliau berkempen di kawasan majoriti Cina dengan pemimpin DAP, dikatakan sebagai boneka DAP. Ini dakwaan bersifat perkauman dan rasis. Sampai bila perkara ini perlu dipermainkan setiap kali pilihan raya?" soalnya.

Menurutnya, tuduhan ter-

babit tidak berasas sama sekali memandangkan kempen bersemuka yang dilakukan calon di majoriti di kawasan Cina.

"Fikirlah logik, jangan sekali-sekali mudah membuat tuduhan melulu.

"Sudah tentu apabila beliau berkempen, soal bahasa menjadi kekangan dalam mendekati pengundi terutama pengundi Cina.

"Jangan kerana berkempen di kawasan Cina bersama-sama dengan pemimpin DAP dikatakan boneka DAP, hujah ini terlalu enteng," ujar-

nya mengulas laporan media terhadap kempen yang dilakukan calon Amanah bersama pemimpin DAP yang dilihat sebagai boneka DAP.

Dalam pada itu, Anuar memberitahu sokongan pengundi terhadap Amanah tidak terjejas sama sekali apabila dikaitkan dengan isu papan tanda perkauman yang dipasang oleh DAP.

"Soal itu sama sekali tidak menjejaskan sokongan terhadap Amanah, malah sokongan terhadap kami semakin bertambah," katanya.

Headline	Jentera Amanah aktif waktu malam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	6	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	57 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 561
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,684



Jentera Amanah aktif waktu malam

SUNGAI BESAR - Jentera Parti Amanah Negara (Amanah) menjadikan waktu malam sebagai masa bekerja untuk melaksanakan tugas-tugas sepanjang kempen PRK.

Pengarah Komunikasinya, Khalid Abdul Samad berkata, selaku individu yang dilantik untuk memantau dua PRK iaitu di Sungai Besar dan Kuala Kangsar, petugas parti itu menjadikan waktu siang sebagai waktu untuk melaksanakan tugas-tugas ringan.

“Sebagai contoh, kerja-kerja di dalam pe-

jabat yang tidak memerlukan penggunaan tenaga kerja yang tinggi seperti menyediakan poster, menyediakan bubur lambuk dan sebagainya, kita lakukan pada waktu siang.

“Manakala bagi tugas-tugas khas seperti menampal poster, memasang bendera dan mengangkut barangan, kita lakukan pada waktu malam. Ada yang buat kerja selepas Maghrib, ada yang buat kerja selepas tarawih dan ada yang bertugas sekitar jam 2 pagi,” katanya.

Headline	Amanah akui papan iklan rasis milik DAP		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	4	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	120 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,182
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,545



Amanah akui papan iklan rasis milik DAP

SUNGAI BESAR - Parti Amanah Negara (Amanah) mengakui papan iklan berunsur provokasi dan berbau perkauman yang dinaikkan di pekan Sekinchan kelmarin adalah milik DAP.

Pengarah Komunikasi Amanah, Khalid Abdul Samad berkata, selepas mengadakan perbincangan bersama, Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua bersetuju untuk tidak menaikkan lagi papan iklan berbentuk provokasi dan berbau perkauman.

"Ia (papan tanda) itu dianggap sebagai provokasi apabila ada gambar pemimpin BN dan dikatakan boleh mencetus ketegangan. Kita mahu tema pilihan raya kita terus tumpu kepada slogan Bebas Rakyat Selamatkan Malaysia serta berkempen secara positif

"Kita akan buat penyelarasan lebih rapat dengan DAP berkaitan papan iklan. Semalam (kelmarin) dalam sidang media, saya maklumkan yang papan iklan itu bukan milik kami, saya tidak berbohong te-

tapi saya tidak tahu mengenainya," katanya pada satu sidang media, semalam.

Khalid berkata, Tony menjelaskan bahawa papan tanda itu adalah luahan terpendam masyarakat Cina terhadap kata-kata kasar Ketua Umno Bahagian Sungai Besar, Datuk Jamal Yunos.

"Orang Cina rasa cukup kecewa dengan sikap pilih kasih BN kerana Adun DAP di Pulau Pinang dikenakan Akta Hasutan kerana mengeluarkan kata-kata kesat ke-

pada Umno. Tetapi Jamal tidak ambil sebarang tindakan," katanya.

Ditanya adakah pihak Pakatan Harapan akan memohon maaf kepada Jamal, Khalid berkata, Jamal sepatutnya memohon maaf terhadap masyarakat Cina kerana kata-kata beliau.

"Jamal kena mohon maaf, papan iklan kita itu dinaikkan selepas kata-kata beliau. Dia (Jamal) tidak pernah memohon maaf selepas kata-kata menggores hati masyarakat Cina diungkapkan," katanya.

Headline	KEMPEN TAK BERADAB		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	1,7	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	572 cm ²
Journalist	NIZAM ZAIN	AdValue	RM 9,757
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,271



RAKYAT SUSAH
RM4.2 Bilion
42亿令吉
贪官无法无天 人民叫苦连天

1MDB
Skandal RM 4.2 Bilion

华人都吃猪肉。所
--大港巫统区
Jamal, Ketua E

Mufti Perak tegur sikap orang Islam yang kempen keterlaluan dalam PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar

KEMPEN TAK BERADAB

4 & 7

Politik di tempat saya ini tak menyemai kebencian kaum." - Calon BN Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi

Kami dalam Pas diajar supaya berpolitik matang dan jangan timbulkan sebarang provokasi." - Calon Pas Sungai Besar, Dr Abdul Rani Osman

Headline	KEMPEN TAK BERADAB		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	1,7	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	572 cm ²
Journalist	NIZAM ZAIN	AdValue	RM 9,757
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,271

Kempen biar beradab: Mufti

■ NIZAM ZAIN

SHAH ALAM - Orang Islam sepatutnya lebih beradab daripada bukan Islam khususnya ketika berkempen sepanjang dua PRK kawasan Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria berkata, sikap itu tidak dipamerkan khususnya ketika umat Islam sedang menjalani ibadah puasa, malah lebih malang pendekatan berkempen yang dilakukan orang Islam lebih teruk daripada bukan Islam.

"Tiada masalah (nak ikut cara bukan Islam) di Amerika Syarikat, calon-calon yang bertanding nak jadi senator atau presiden. Adakah mereka pernah menjatuhkan orang lain? Mereka cuma cakap berkenaan polisi. Tiada maki-hamun, tiada nak jatuhkan orang.

"Malah mereka menghormati di antara satu sama lain dengan cukup baik. Itu yang sepatutnya kita lakukan. Kita orang Islam sepatut-

nya lebih beradab daripada orang bukan Islam, (tapi) kempen kita itu lebih teruk daripada bukan Islam," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Mengulas lanjut, Harussani juga menyifatkan kaedah kempen yang ditonjolkan ahli politik negara ini sebagai kebudak-budakan kerana tahap kematangan politik yang masih rendah kerana menggunakan pendekatan melabel dan menjatuhkan pihak lawan.

"Sepatutnya sudah 56 tahun merdeka, maka ahli-ahli politik kita ini sudah matang. Tapi nampaknya macam masih budak-budak lagi. Macam mana nak memerintah negara kalau masih berfikiran macam kebudak-budakan

"Jadilah manusia yang matang,



HARUSSANI

kalau kita nak jadi calon atau wakil rakyat, kita kena beritahu apa yang kita nak buat, supaya orang lantik kita," katanya.

Beliau berkata, serangan peribadi ke atas calon bertanding atau pihak berkempen tidak dibenarkan dalam Islam bukan sa-

ja dalam Ramadan, bahkan di luar bulan puasa.

"Dalam kempen pilihan raya, yang boleh kita buat ialah nyatakan manifesto kita itu lebih baik daripada orang lain. Kita boleh kata manifesto dia tak bagus, tak betul, itu terpulang (kepada pengundi). Itu saja.

"Serangan individu tak boleh, walaupun dia kaki minum arak, orang ramai tahu dia memang kaki minum arak, mereka tak boleh lantik orang macam itu, orang sudah

tahu, tak payah berkempen. Kita tak boleh menjatuhkan maruah orang," katanya.

Beliau turut menegaskan, perbuatan memaki-hamun, menjatuhkan maruah dan menyakiti orang lain bukan sahaja hukumnya haram dalam Ramadan, bahkan perbuatan itu juga dilarang dalam bulan lain di luar bulan puasa.

"Kalau perbuatan ini (dilakukan) dalam Ramadan, puasanya pun tak boleh pakai. Nabi sendiri berpesan bahawa kalau tidak menjaga mulutnya, pandangannya, pendengarannya, tidak menjaga anggotanya, daripada perkara-perkara yang dilarang, maka ALLAH tidak memerlukan dia berpuasa.

"Maknanya puasa dia tiada faedah. Kita bila berkempen, jangan kita menyakiti hati orang, mengata orang, jangan menjatuhkan orang, jangan menghina orang lain. Kalau kita buat juga, macam mana kita nak mengaku depan ALLAH sebagai Muslim yang betul," katanya.



10 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 8 • Printed Size: 87.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 857.00
PR value: MYR 2,571.00 • Item ID: MY0026241242

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Polis siasat provokasi papan iklan

KUALA LUMPUR - Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan menerima laporan provokasi pada kain rentang dan papan iklan yang dibuat pihak tertentu dalam kempen PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, pihaknya akan meminta pasukan pemantau Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk bertindak.

Menurutnya, kain rentang dan papan iklan yang dilihat mengancam keselamatan perlu diturunkan segera.

"Kita akan siasat siapa yang buat provokasi-provokasi ini.

"Tindakan polis akan diambil terhadap individu yang bertanggungjawab menaikkan kain rentang dan papan iklan itu sekiranya gagal dipatuhi," katanya.

“Tindakan polis akan diambil terhadap individu yang bertanggungjawab menaikkan kain rentang dan papan iklan itu sekiranya gagal dipatuhi.” - Khalid

Dalam perkembangan lain, Khalid memberitahu siasatan masih dijalankan berhubung kematian Datuk Syed Alman Zain Syed Alwi, menantu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, ketika mendapatkan rawatan di sebuah klinik pergigian di Bangsar di sini, 1 Jun lalu.

Katanya, pihaknya masih menunggu laporan penuh sebelum menyerahkan dan kemukakan cadangan kepada peguam negara.



10 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 6 • Printed Size: 203.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,462.71
PR value: MYR 10,388.13 • Item ID: MY0026241240



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Calon sokong usaha singkir Najib

SUNGAI BESAR - Calon Parti Amanah di PRK Sungai Besar, Azhar Ab Shukor menyatakan sokongan kepada usaha penyingkiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sekiranya dipilih sebagai ahli parlimen.

"Sekiranya saya dipilih rakyat Sungai Besar menjadi ahli parlimen mewakili mereka, saya akan sokong penyingkiran Najib selaku perdana menteri.

"Sebagai pemimpin, beliau perlu dipertanggungjawabkan atas segala kerosakan yang dilakukan beliau termasuk skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB)," katanya pada sidang media di Pejabat Amanah Sungai Besar, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai menyatakan pendirian dan menjawab kepada tuntutan Bersih terhadap be-

liau sekiranya menjadi ahli parlimen.

Menurutnya, pendirian berkenaan merupakan sebahagian daripada pendidikan politik terhadap rakyat.

"Rakyat tidak wajar takut menggantikan pemimpin yang tidak betul. Pada masa sama pemimpin perlu diajar takut pada rakyat khususnya sekiranya mereka melakukan penyelewengan," katanya.

Jelasnya, dakwaan bahawa penyingkiran Najib bakal menyelamatkan BN tidak relevan kerana ia tidak boleh dilihat secara berasingan.

Mengulas mengenai 10 tuntutan Bersih kepada kerajaan, beliau turut menyokongnya dan ini adalah konsisten dengan pendirian dirinya serta pimpinan Amanah sejak dahulu.

"Saya telah turun semasa

program-program Bersih diadakan. Saya anggap bahawa persoalan utama adalah sistem semak dan imbang yang perlu dikukuhkan selain dari sistem pilihan raya yang bersih dan adil.

"Saya lihat bahawa 10 tuntutan Bersih agak menyeluruh dan boleh membantu mengatasi ketidakadilan sistem pilihan raya sekarang," katanya.

Pada perkembangan lain, Azhar membangkitkan isu kadar pemotongan harga padi basah yang semakin meningkat dan mempengaruhi pendapatan pesawah padi.

"Ribuan pesawah di kawasan Sekinchan dan Sungai Besar nampaknya dirundung rasa sedih dan gusar kerana kadar pemotongan padi basah telah dinaikkan dari 15 peratus hingga 18 peratus ke

18 peratus hingga 23 peratus mulai Januari 2016.

"Ini bermakna hasil jualan mereka merosot sebanyak RM400 hingga RM500 untuk setiap petak padi," katanya.

Dalam pada itu, Azhar memberitahu, golongan petani semakin tertekan berikutan harga baja, racun, gaji pekerja dan kos-kos lain semakin meningkat, akan tetapi hasil jualan padi pula kian menurun.



AZHAR



10 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 36 • Printed Size: 156.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,661.00
PR value: MYR 7,983.00 • Item ID: MY0026241229



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

'Mereka dah habis modal'

SHAH ALAM - Pemuda Umno menganggap parti lawan sudah kehabisan isu untuk berkempen sehingga sanggup menggunakan cara provokasi sebagai bahan kempen di kawasan Parlimen Sungai Besar.

Exco Pemudanya, Dazma Shah Daud berkata, jentera parti lawan mungkin mula gentar dengan kredibiliti calon BN, Budiman Mohd Zohdi yang cukup disegani pengundi di kawasan itu.

"Penggunaan papan iklan berbau perkauman dan jelas melanggar Akta SPR 1954 membuktikan pihak sebelah sana sudah kering isu dan modal.

"Mungkin mereka susah nak cari ruang untuk menyerang Budiman yang diakui seorang pemimpin muda yang digemari pengundi Sungai Besar sehingga mereka kena guna cara kotor," katanya.

Dazma juga menyeru



DAZMA

pengundi Sungai Besar supaya menolak calon dari parti lawan yang mengamalkan politik sempit dan tidak matang.

Jelas beliau, cara gerak kerja dan bahan kempen sudah menggambarkan wajah sebenar pihak lawan yang hanya memikirkan kemenangan parti semata-mata.

"Kalau masa berkempen sudah jelas tidak matang, apatah lagi kalau diberi peluang untuk berkuasa...jadi orang

Sungai Besar kena tolak orang jenis ni," katanya.

Dazma berkata, kempen mesra dan penuh kematangan yang dijalankan BN selama ini bukti bahawa parti pemerintah ini cukup bersantun dalam mendekati rakyat.

"BN tunjuk cara yang ikhlas dan jujur untuk bantu kebajikan serta bela nasib orang Sungai Besar sebab itu kita pilih YB Budiman sebagai calon," jelasnya.

Sementara itu, beliau yang juga Pengerusi Biro Pekerja Muda turut berkongsi maklumat mengenai penganjuran BN Youth Job & Career Fair 2016 yang bakal berlangsung serentak di kawasan Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar pada esok dan Ahad.

Jelas Dazma, lebih 100 majikan bakal mengambil bahagian dan lebih 5,000 peluang pekerjaan ditawarkan.



10 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: HAFEZDZULLAH HASSAN • Section: Nasional • Page: 36
Printed Size: 251.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 4,281.48 • PR value: MYR 12,844.44 • Item ID: MY0026241231

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Jangan layan kempen provokasi

Jentera BN dinasihatkan fokus pada gerak kerja parti, perkasakan jentera temui pengundi

■ HAFEZDZULLAH HASSAN

SUNGAI BESAR – Jentera BN dinasihatkan supaya tidak melayan provokasi berbau fitnah yang dimainkan parti lawan sepanjang kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan Parlimen Sungai Besar.

Setiausaha BN Selangor, Datuk Johan Abdul Aziz berkata, jentera seharusnya terus fokus pada gerak kerja yang disusun parti.

"Peringkat awal ini cara kempen yang tak sihat dan melanggar etika SPR dilakukan pihak lawan melalui papan iklan yang dipasang, baru-baru ini.

"Saya harap BN kerja fokus mana yang perlu kita berikan tumpuan awal

dan biarkan sahaja mereka buat provokasi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, provokasi berbau fitnah perkauman adalah strategi pihak lawan sebagai senjata untuk melemahkan jentera BN.

"Mereka menggunakan strategi begitu kerana mahu menimbulkan kemarahan kaum terutama pengundi luar.

"Malangnya strategi seperti ini tak mengena kerana ia satu sentimen yang berbahaya dan terdesak," katanya.

Beliau berkata, fokus BN adalah memperkasakan jentera bagi mencari dan menemui pengundi untuk memperkenalkan calon.

"Jentera harus terus mencari dan

bertemu dengan pengundi untuk perbetulkan kembali apa yang telah kita janjikan.

"Kita juga akan lakukan penambahan jentera melalui mesyuarat pada setiap malam supaya gerak kerjanya lebih efektif," katanya.

Johan berkata, BN mempunyai cara tersendiri untuk mendekati diri dengan pengundi sepanjang Ramadan ini.

"Kita cenderung bertemu dengan pengundi dari rumah ke rumah untuk memperkenalkan calon dan duduk berbincang mengenai masalah mereka.

"Saya rasa pendekatan ini adalah lebih baik daripada kita sibuk ber-

ceramah dan menghentam parti lawan dalam Ramadan yang mulia ini," katanya.

Tambahnya, beliau yakin BN mampu meraih kemenangan kerana jentera yang sedia ada menunjukkan prestasi yang baik pada pusingan pertama kempen ini.

"Kerja kita dah betul cuma kita kena susun kerja dan pastikan semua orang menjalankan tugas yang diberikan dengan baik.

"Paling penting kita buat kerja mengikut cara kita dan jangan terikut-ikut dengan cara pihak lawan bekerja," katanya.



JOHAN



10 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 4 • Printed Size: 90.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 886.15
PR value: MYR 2,658.45 • Item ID: MY0026241236

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

'Mereka perlu tanggung risiko'

SUNGAI BESAR – Parti lawan dilihat tidak matang dalam berpolitik kerana sengaja menimbulkan provokasi dengan menaikkan papan iklan berbaur perkauman dan fitnah.

Calon Pas kawasan Parlimen Sungai Besar, Dr Abdul Rani Osman berkata, parti yang melakukan tindakan itu seharusnya bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku kerana boleh mendatangkan kemarahan se-setengah pihak dan kesan tidak harmoni dalam kalangan rakyat.

“Pada saya, siapa buat (pa-

sang papan iklan provokasi) mereka mesti tanggunglah semua risiko ini. Kami dalam Pas diajar supaya berpolitik matang dan jangan timbulkan sebarang provokasi yang boleh mewujudkan ketegangan dan perbalahan antara kaum,” katanya pada sidang media selepas Program Ziarah Medic di Sungai Lemman, Sekinchan, di sini.

Abdul Rani yang juga Adun Meru berkata, pada masa ini, terdapat pelbagai pihak terlalu cepat membuat persepsi terutama melibatkan politik sedangkan apa yang digambarkan mereka tidak

sama dengan apa yang berlaku.

“Contohnya penyebaran gambar Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang dilihat berada bersama-sama di khemah Parti Amanah Rakyat (Amanah) pada hari penamaan calon, sedangkan beliau (Mohamed Azmin) juga bersama Pas, PKR dan DAP.

“Pada saya, ini bukanlah politik matang. Kita mesti wujudkan suasana harmoni dan jangan sesekali timbulkan ketegangan antara kaum yang boleh bawa perpecahan dalam masyarakat,” katanya.



10 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 4 • Printed Size: 35.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 344.62
PR value: MYR 1,033.86 • Item ID: MY0026241237

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Politik tidak sihat: KJ

SUNGAI BESAR – Papan iklan berbaur fitnah perkauman adalah bukti kempen tidak sihat yang berlaku dalam PRK kawasan Parlimen Sungai Besar.

Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kempen seperti ini perlu dielakkan kerana ia hanya mencetuskan kemarahan kaum.

“Saya lihat usaha ini adalah sesuatu yang tak bertanggungjawab sedangkan kita berada di bulan Ramadan.

“Saya harap mereka yang bertanggungjawab menaikkan papan iklan berkenaan tak mengulanginya lagi selepas ini,” katanya.



10 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 8 • Printed Size: 299.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,100.25
PR value: MYR 15,300.75 • Item ID: MY0026241241

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Semangat BN selesai RUU persendirian



Presiden Gerakan, Datuk Mah Siew Keong berkata, isu RUU persendirian yang dibawa Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam Parlimen akan dibincang dan diselesaikan atas semangat kesepakatan antara komponen BN.

Kata Mah, hasil perbincangan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dengan parti-parti komponen BN kelmarin, telah bersetuju mengambil ketetapan bahawa isu berkenaan perlu dibincangkan terlebih dulu dalam mesyuarat Majlis Tertinggi BN sebelum diluluskan.

Sin Chew Jit Poh melaporkan, Presiden Gerakan itu yakin isu RUU persendirian ini akan dapat diselesaikan sebelum sesi Parlimen akan datang yang dijadualkan pada Oktober depan.

Jelas Mah, pendirian Gerakan adalah tegas iaitu sebarang usaha untuk menggubal rang undang-undang perlulah mematuhi Perlembagaan Persekutuan.

Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong

Lai yang hadir dalam mesyuarat tersebut turut berkata, beliau harap semua parti komponen BN perlu membantah

RUU persendirian ini.

Katanya, MCA tetap akan hadir dalam sidang parlimen dan membantah sekiranya usul RUU persendirian ini dibentangkan dan dibahaskan dalam Parlimen.

Kata Liow, ketika berbincang dengan perdana menteri dan timbalan menteri, MCA telah menjelaskan bahawa DAP sebenarnya telah membantu Pas sehingga Pas memiliki kekuatan untuk membawa usul RUU persendirian ini.

MCA, kata Liow lagi, sebenarnya tidak tahu menahu apa tujuan di sebalik usaha Abdul Hadi itu.

Di Sungai Besar, ketika isu RUU persendirian hangat diperkatakan, calon Pas bagi PRK kawasan ini, Dr Abdul Rani Osman sudah tentu menjadi tumpuan lebih-lebih lagi ketika berkempen di kawasan majoriti Cina.

Dr Abdul Rani ketika ditemu bual oleh *China Press* memberitahu, beliau cukup memahami masyarakat Cina yang terlalu bimbang mengenai hukum hudud yang mungkin dilaksanakan di negara kita.

Katanya, RUU persendirian itu bukanlah tujuan untuk melaksanakan hukum hudud dan mengenakan hukuman potong tangan atau sebagainya, sebaliknya adalah untuk memperkasakan mahkamah syariah dan meminda hukuman.

"Yang pentingnya ialah RUU persendirian ini tidak membabitkan bukan Islam dan saya harap orang ramai jangan cuba mempermainkan isu tersebut," kata Dr Abdul Rani.

Untuk menghilangkan rasa kebimbangan dan kemusykilan mengenai isu hukum hudud, Dr Abdul Rani berkata, dalam tempoh kempen ini, beliau sendiri akan mengedarkan risalah sebanyak

10,000 keping dalam bahasa Cina dan Tamil di kawasan bukan Melayu di sekitar Sekinchan.

Beliau mengakui beliau tidak akan menghadiri ceramah semata-mata untuk menghentam calon-calon parti lain kerana beliau tidak pernah melakukan serangan peribadi dalam kariernya sebagai ahli politik.

Dr Rani berkata, sekiranya beliau menang dalam PRK ini, beliau akan cuba memahami lebih mendalam lagi dengan mengadakan mesyuarat bersama ketua-ketua kampung mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pengundi di Sungai Besar.

"Kebanyakan penduduk Sekinchan adalah terdiri daripada nelayan dan petani. Mereka telah membangkitkan banyak masalah kepada saya untuk diselesaikan. Oleh itu, saya harap penduduk di Sungai Besar boleh memberikan peluang kepada saya untuk menjadi wakil rakyat mereka," katanya.

Adun Meru ini turut menegaskan kawasan Sungai Besar memiliki potensi sebagai destinasi pelancongan yang menarik dan ia perlu dipergiatkan lagi dengan lebih banyak publisiti dan kerjasama daripada kerajaan pusat.

Selain sebagai ahli politik, Dr Abdul Rani juga adalah seorang doktor perubatan yang memiliki kelulusan dari Tanta University, Egypt dan membuka sebuah klinik persendirian di Klang.

Beliau juga berjanji sekiranya dipilih sebagai Ahli Parlimen Sungai Besar, beliau akan memberikan rawatan perubatan percuma kepada penduduk di kawasan itu seperti yang dilakukan di Klang ketika ini.



10 Jun 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 11 • Printed Size: 634.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 21,854.53
PR value: MYR 65,563.59 • Item ID: MY0026241343

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 3

Calon 'underdog' disenangi rakyat

Selepas hampir seminggu berkempen, calon Barisan Nasional (BN) bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi masih menganggap dirinya calon 'underdog', berbanding dua lawannya. Pun begitu, ia bukan bermakna Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang itu tidak yakin dengan kemampuannya untuk menang dalam PRK ini, tetapi beliau lebih selesa bersikap berhati-hati dalam setiap perkara.

Ikuti temu bual wartawan BH, Khairul Azran Hussin, mengenai langkahnya mendekati pengundi Sungai Besar.

S: Apa rumusan Yang Berhormat (YB) sejak hari pertama berkempen sehingga hari ini?

J: Segalanya berjalan lancar dan mengikut jadual. Kalau tanya saya bagaimana dengan perjalanan kempen, saya akan cakap sudah mula berkempen sejak tiga tahun lalu, iaitu saat saya mula menjadi ADUN Sungai Panjang. Namun, ia bukan bermakna saya sudah berpuas hati serta rasa selesa. Program kempen serta berjumpa pengundi perlu dipertingkatkan. Seperti yang dikatakan, saya lebih selesa menjadi calon 'underdog'.

S: Bagaimana dengan respon 13,094 pengundi Cina, terutama 9,139 pengundi di Sekinchan, yang juga kubu kuat DAP.

J: Saya sering menekankan bahawa mereka (pengundi Cina)

adalah manusia dan saya juga manusia. Mereka boleh dipujuk serta diajak untuk kembali bersama BN. Jadi, BN jangan berputus asa dan saya juga tidak sesekali akan berputus asa. Pada kempen ini, kami tidak bergerak mengikut pusat daerah mengundi (PDM), tetapi ikut cawangan dengan dibantu oleh parti komponen. Setakat ini pengundi Cina ada respon positif kerana mereka mahukan pemimpin yang sederhana.

S: Bagaimana pula dengan sokongan kira-kira 18,000 pengundi muda?

J: Sekali lagi saya mahu menekankan kita semua adalah manusia dan hati manusia boleh berubah. Jadi, tiada yang mustahil untuk menawan hati orang muda supaya bersama-sama BN. Malah, saya juga aktif di laman sosial sejak 2008 untuk mendekati orang muda. 'Fan page' saya diikuti oleh separuh daripada jumlah pengundi yang ada di Sungai Besar.

S: Sepanjang mengikuti kempen YB, perkara paling mencuit hati saya ialah kemesraan YB dengan golongan istimewa. Saya lihat ada beberapa orang dalam kalangan mereka yang berlari ke arah YB untuk bersalam serta mengambil gambar, seolah-olah kemesraan ini sudah lama terjalin.

J: Mendekati serta memahami kehidupan golongan istimewa ini bukan perkara asing dalam diri saya. Mereka ini sering saya dekati dan mungkin atas sebab itu mereka tidak kekok apabila berjumpa dengan saya. Saya selalu tekankan semua pihak perlu membuka mata dan memberikan kesedaran untuk membela nasib golongan istimewa ini.

Malah, saya sering menyertai Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), khusus untuk mendidik golongan istimewa supaya dapat hidup berdikari seperti kanak-kanak lain. Cuma yang menjadi kebimbangan saya ialah mengenai masa depan mereka. Mereka bukan sahaja perlu diberi pendidikan akademik semata-

mata, tetapi juga diberi latihan kemahiran dan vokasional yang akhirnya membolehkan mereka menjalankan pelbagai jenis perniagaan dari rumah. Saya fikir ini sesuatu yang perlu diberi perhatian.

S: Strategi kempen parti lawan, terutama Parti Amanah Negara (Amanah) banyak fokus kepada isu hudud. Apabila jumpa pengundi Cina, Amanah dengan dibantu DAP takutkan mereka dengan hudud.

J: Jika tanya saya mengenai isu hudud, saya akan minta pihak yang bertanya tadi menyoal PAS, bukan BN kerana parti berkenaan yang sejak dahulu lagi membawa perkara ini. Bagi BN, kita sejak dahulu lagi konsisten bahawa dalam negara yang mempunyai pelbagai kaum, agama dan kepercayaan, setiap keputusan besar perlu mengambil kira semua pihak. Mengenai polemik yang berlaku ketika ini, pengundi Cina jangan silap faham ia bukanlah hudud sebaliknya adalah usul pindaan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah untuk memperkasakan bidang kuasa jenayah. Undang-undang ini sudah terpakai sejak 1984 lagi hanya untuk orang Islam. Jadi, ia tidak perlu dijadikan isu besar.

S: Mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB), bagaimana respon pengundi mengenainya?

J: Sepanjang saya berkempen, tiada pengundi yang bertanya kepada saya mengenai isu ini. Saya lihat mereka lebih selesa memberi tumpuan masalah setempat dan bagaimana hendak meningkatkan taraf hidup serta ekonomi penduduk.

S: Calon Amanah mendakwa YB gagal memajukan DUN Sungai Panjang serta meminta pengundi memberi peluang kepada parti itu.

J: Calon Amanah mungkin tidak tahu macam-macam ada di Sungai Panjang ini. Sungai Panjang mempunyai banyak eko-pelancongan seperti inap desa serta mempunyai tarikan lain



10 Jun 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 11 • Printed Size: 634.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 21,854.53
PR value: MYR 65,563.59 • Item ID: MY0026241343



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3

seperti kelip-kelip dan burung enggang.

Selain itu, kawasan pesisir laut di Sungai Panjang juga digunakan setiap minggu untuk pelancong tangkap ikan. Sungai Panjang juga sudah ada sebuah MRSM (Maktab Rendah Sains MARA) dan Klinik Kesihatan di Simpang Lima yang besar dan selesa.

Semua orang boleh bercakap serta menabur pelbagai janji. Saya ingin bertanya apa yang boleh Amanah tawarkan kepada pengundi? Wakil mereka tiada dalam pentadbiran kerajaan Selangor, juga tiada yang jadi EXCO. Jadi, mereka tidak boleh buat apa-apa.

Kalau diizinkan Allah saya menang PRK ini, saya boleh terus mengadu dengan Kerajaan Persekutuan jika ada apa-apa ma-

salah. Berbeza dengan PH, kami adalah Kerajaan Persekutuan. Jadi, penduduk di Sungai Panjang serta Sungai Besar secara keseluruhannya akan mendapat banyak manfaat.

S: Jika menang pada 18 Jun ini, apa janji YB kepada penduduk Sungai Besar?

J: Selain ekopelancongan yang sudah sedia ada, saya ingin memperkasakan agropelancongan di kawasan ini. Masyarakat Sungai Besar sangat unik kerana kita ada keturunan Jawa, Banjar, Melayu dan Minang. Perjalanan dari Kuala Lumpur ke Sungai Besar mengambil masa lebih satu jam. Jadi, selain menikmati keindahan suasana di sini, mereka yang hendak merasai masakan bonda boleh datang ke sini. Namun, banyak

lagi manfaat yang akan saya bawa kepada penduduk Sungai Besar.

Mengenai polemik yang berlaku ketika ini, pengundi Cina jangan silap faham ia bukanlah hudud, sebaliknya adalah usul pindaan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah untuk memperkasakan bidang kuasa jenayah”



10 Jun 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 11 • Printed Size: 634.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 21,854.53
PR value: MYR 65,563.59 • Item ID: MY0026241343

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.





10 Jun 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 6 • Printed Size: 406.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 13,995.17
PR value: MYR 41,985.51 • Item ID: MY0026241294

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 2

SUNGAI BESAR

Usah emosi, fikir dengan tenang: Najib

➔ Pengundi perlu pilih kerajaan peka, prihatin dengan kebajikan

► Sungai Besar

Datuk Seri Najib Razak mengingatkan semua pengundi dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar supaya tidak beremosi dalam memilih kerajaan yang peka dan prihatin dengan kebajikan rakyat.

Perdana Menteri berkata, ini kerana semua pihak mahukan kestabilan dan keharmonian kerajaan serta ia hanya mampu dipenuhi Barisan Nasional (BN).

“Jangan kita main-main, jangan ikut emosi, kena berfikir dengan tenang. Kita tidak mahu pembangkang yang mana kecelaruan dalam pembangkang amat jelas.

“Di Sarawak, kita lihat PKR dan DAP bertembung di banyak kawasan. Di Selangor, kita mahu tahu siapa yang disokong kerajaan Selangor. Adakah sokong PAS atau Parti Amanah Negara (Amanah), tolong jelaskan kerana ia masih kabur lagi.

“Kita pun tak tahu PAS diterima atau tidak. Duduk dalam satu kerajaan (tetapi) tidak ada persefahaman,” katanya ketika berucap di hadapan kira-kira 1,000 rakyat Selangor pada Majlis Berbuka Puasa dan Tadarus Perdana di pekara-

ngan Masjid Ma'muniah Sungai Nipah, Simpang Lima di sini, semalam.

Terbukti jaga kebajikan

Najib berkata, kerajaan BN ternyata tahu menguruskan pentadbiran negara dan terbukti masih mampu menjaga kebajikan rakyat serta meluluskan projek pembangunan walaupun harga minyak jatuh merudum dan ekonomi China menguncup.

Terdahulu, Perdana Menteri tiba di pekarangan masjid berkenaan pada jam 7.05 malam bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, yang disambut Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Ketua Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil serta calon BN Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi.

Najib kemudian menyampaikan bantuan kepada anak yatim, ibu tunggal dan golongan kurang kemampuan sebelum menunaikan solat Isyak dan Tarawih serta moreh di Masjid Al Mukmin, Tali Air 12, Sungai Nibong.




10 Jun 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 6 • Printed Size: 406.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 13,995.17
PR value: MYR 41,985.51 • Item ID: MY0026241294

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Najib beramah mesra dengan Siti Nuraisyah Sahrin di Masjid Al Mukmin, Tali Air 12, Sungai Nibong, malam tadi. Siti Nuraisyah kehilangan kakinya akibat digilis lori dalam satu kejadian, baru-baru ini.

Headline	DIVINE REWARD PROMISE		
MediaTitle	The Sun		
Date	10 Jun 2016	Color	Black/white
Section	National	Circulation	306,000
Page No	3	Readership	918,000
Language	English	ArticleSize	38 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 620
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,859



DIVINE REWARD PROMISE

SUNGAI BESAR: A local PAS leader told voters here that they will gain "pahala" (divine rewards) if they can ensure a PAS victory. Sungai Besar PAS information chief Salihudin Baharum said a PAS victory will improve the standard of the syariah courts through the private member's bill which was tabled by PAS president Datuk Seri Abdul Hadi Awang to amend Act 355, which deals with syariah court jurisdictions. Stating this in a ceramah in Sungai Panjang on Wednesday night, Salihudin told the crowd that Muslims will collectively receive the rewards if the amendment gets to be passed in Parliament. He said the chances of the bill being passed will be stronger if PAS candidate Datuk Abdul Rani Osman is elected to the Dewan Rakyat.



10 Jun 2016

The Sun, Malaysia

Author: Amar Shah Mohsen • Section: National • Page: 2 • Printed Size: 95.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,549.23
PR value: MYR 4,647.69 • Item ID: MY0026240628

 isentia mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Focus on your own constituency, Rafizi told

BY **AMAR SHAH MOHSEN**

newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: PKR secretary-general Rafizi Ramli should stop slandering the Umno leadership and instead focus on his own constituency.

Cheras Umno chief Datuk Seri Syed Ali Albabshee said the Pandan MP should “return” to helping the rakyat under his purview, pointing out that a prudent and responsible parliamentarian would focus his work on the people’s interests.

“Unfortunately, he (Rafizi) is seen as being too slow in serving his electorate, and instead is only interested in finding the faults of Umno’s leaders, especially Prime Minister Datuk Seri Najib Abdul Razak and his wife (Datin Seri Rosmah Mansor),” he said on his blog yesterday.

He said this in light of Rafizi’s latest allegation that Rosmah had used a private jet to attend an event in Istanbul to receive the 3G Children Welfare Award on behalf of her brainchild Permata, a government project.

Syed Ali said Rafizi’s failure to understand a leader’s need for official matters involving the country’s interest showed that the latter was “not so smart”.

He added that Rafizi should be well aware that Rosmah was on a tight schedule as she had to attend another event in the country in the presence of the Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah after receiving the award in Istanbul on May 27.

“So what’s wrong if she uses a private jet due to time constraints? Besides, both events are very important to the country.”



10 Jun 2016
The Sun, Malaysia

Author: Timothy Achariam • Section: National • Page: 3 • Printed Size: 86.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,402.46
PR value: MYR 4,207.38 • Item ID: MY0026240645

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Budiman denies putting up posters on DAP board

BY **TIMOTHY ACHARIAM**
AND **HAIKAL JALIL**

newsdesk@thesundaily.com

SUNGAI BESAR: Another billboard controversy erupted here yesterday when Barisan Nasional candidate Budiman Mohd Zohdi had an altercation with DAP Sekinchan assemblyman Ng Suee Lim over an alleged BN poster put up on a DAP-owned billboard frame.

Budiman denied that the poster was from the BN and labelled it as a "cheap tactic" to smear his reputation.

"The posters are not the standard posters that have been used in my campaign," he told a press conference.

"He (Ng) accosted me while I was on my walkabout in the Sekinchan area over the billboard. I told him that I had no knowledge of the poster."

The poster in question bore the image of Budiman in a suit and tie with the BN logo and it read "Vote for the BN candidate".

"I laughed when I saw the poster, that is not me, I am a 'kampung boy'. The suit and blazer picture is not something I would put up," he said.

He said that he is getting legal advice on whether he should lodge a report.

The issue of posters and banners has been a controversial talking point as DAP admitted on Wednesday to putting up slanderous posters about BN in the Sekinchan area.

DAP's Tony Pua later admitted to putting up the posters.

Inspector-General of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar said police will take action against those responsible for putting up provocative billboards.



10 Jun 2016
The Sun, Malaysia

Author: No author available • Section: National • Page: 8 • Printed Size: 32.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 521.85
PR value: MYR 1,565.55 • Item ID: MY0026240686

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



SEPARATE BILL FOR DISTILLED WATER

KUALA LUMPUR: Distilled water kiosk operators must now apply for a new water supply account and install separate individual water meters, Selangor Water Supply Company (Syabas) said in a statement yesterday. It stated that under a new ruling by the Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SPAN), the operators have to do so for each water kiosk as they are not allowed to connect the kiosk to an existing premises water account. The operators can apply for the account through Syabas' online customer service portal, with the applicants only needing to complete and transmit the details online.

Headline	Billboard war in Sg Besar		
MediaTitle	The Star		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	338,368
Page No	9	Readership	1,032,000
Language	English	ArticleSize	406 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 20,432
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,296



Billboard war in Sg Besar



Standing out: Budiman's 'war truck' parked in Sekinchan.

By-election candidates clamouring for coveted banner space

SUNGAI BESAR: A tug of war over billboards has erupted among the candidates in the by-election here.

Now, the fight is over who has the right to the billboards located at Jalan Pasar in Sekinchan town, not far from where Election Commission (EC) officials had to pull down a few on Wednesday for bearing provocative messages.

Yesterday, during a walkabout with reporters, DAP's Sekinchan assemblyman Ng Suee Lim confronted Barisan Nasional candidate Budiman Mohd Zohdi for "stealing" the four empty billboard frames.

The billboards bore profile photos of Budiman in a suit and *baju Melayu* urging the people to vote for him.

Dismissing this, Budiman walked away and later told reporters that it was not his "standard procedure" to wear such outfits.

"It's definitely not my SOP to wear such outfits when the banners are meant for a town dominated by the non-Malays," he said, adding that DAP was "bankrupt of ideas".

The banners were later removed by EC officials and the police following complaints by Amanah that the

billboards actually belonged to the party.

On Wednesday, a few Opposition leaders had protested the removal of the billboards with provocative messages.

Earlier at a press conference, Amanah information chief Khalid Samad said the party and its allies - DAP and PKR - would now focus on positive campaigning and promised that there would not be any more provocative billboards.

"I honestly have no idea about the billboards. When I found out that DAP was behind this, I met

with Tony Pua (DAP national publicity chief) and we agreed not to put up billboards that could trigger provocation," he said.

Pua had reportedly admitted to putting up the billboards without informing Amanah.

Asked why DAP had not consulted Amanah before putting up the billboards, Khalid admitted that there should have been some coordination between the two parties.

Watch the video  thestartv.com

Headline	MCA urges voters to reject politics of hatred		
MediaTitle	The Star		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	338,368
Page No	9	Readership	1,032,000
Language	English	ArticleSize	136 cm ²
Journalist	WANI MUTHIAH	AdValue	RM 6,871
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,612



Reports by WANI MUTHIAH, RAHIMY RAHIM, RAHMAH GHAZALI, ADRIAN CHAN and ALLISON LAI. Pictures by K. K. SHAM

MCA urges voters to reject politics of hatred

PETALING JAYA: MCA has expressed outrage over billboards with messages of "race-hate provocation and slander" that were put up in Sekinchan.

"Such slanderous billboards have not only incurred the dissatisfaction of Sekinchan Chinese voters but also caused unnecessary controversy," said MCA Youth chairman Chong Sin Woon in a statement yesterday.

Sekinchan, said Chong, was a

**BY-ELECTION
SUNGAI
BESAR**

Polling date: June 18



well-known, laidback fishing and padi farming town with simple folk.

MCA, he said, expected that in the final days approaching polling day, there would be more such slande-

rous messages.

"We urge all Sekinchan voters to reject DAP's politics of inciting hatred," said Chong.

He said when Election Commission officers instructed that the billboards be taken down on Wednesday, DAP members had also allegedly hurled verbal abuse against them.

The billboards had Amanah's party logo on them.

He said while DAP's Seputeh MP

Teresa Kok denied that DAP had mounted the billboard, the party's national publicity chief Tony Pua had admitted to it.

Chong criticised the party which had initially denied putting up the billboards, adding that such a move reflected DAP's "empty promises and rhetoric".

The people, he said, must discredit the politics of hatred and uphold the principle of honesty, especially during elections.

Headline	Selangor govt told to make stand - PAS or Amanah		
MediaTitle	The Star		
Date	10 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	338,368
Page No	9	Readership	1,032,000
Language	English	ArticleSize	122 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,917
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,751



Selangor govt told to make stand - PAS or Amanah

SUNGAI BESAR: The Selangor government must make its stand on whether it supports PAS or Amanah in the by-election here, said Datuk Seri Najib Tun Razak.

“In this by-election, we want to know the Selangor state government’s stand.

“Do they support Amanah or PAS? It is still unclear,” he said in his speech at a breaking fast event in Ma’muniah mosque, Sungai Nipah, Simpang Lima, yesterday.

Najib said although PAS was part of the state government, the latter’s position was still not clear.

“They may be in one state government but they have no common understanding. This is not the kind of recipe that will give confidence to the rakyat,” he said.

While such internal problems at the state level might not be seen as severe, Najib said should this happen at the national level, it would bring pressure and hardship to the people.

The Barisan Nasional Federal Government, he said, still could approve development projects despite the global economic uncertainties and the low petrol and oil

prices.

“We still manage to protect the rakyat and solve their problems despite these challenges. This is the difference with a government that can successfully manage the country via accountable and transparent policies,” he said.

Najib also performed a short *tah-lil* before the *maghrib* prayers for the late Deputy Plantation and Commodities Minister Tan Sri Noriah Kasnon, who was among those who perished in the helicopter crash in Batang Lupar, Sarawak, last May 5.

The Prime Minister was accompanied by Barisan candidate Budiman Mohd Zohdi, Selangor Umno liaison chief Tan Sri Noh Omar, Negri Sembilan Mentri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan, Wanita Umno chief Tan Sri Shahrizat Jalil and other state Umno leaders.

He later performed the *terawih* prayers at Al-Mukmin mosque, Tali Air 12 Sungai Nibong, Sekinchan.

Najib also visited Siti Nuraisyah Sahrin, 13, who lost both her legs in a tragic accident on Jan 18.

Headline	Make room for growing population		
MediaTitle	The Star		
Date	10 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	338,368
Page No	8	Readership	1,032,000
Language	English	ArticleSize	444 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,345
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,035



Make room for growing population

Infrastructure needs to be built in tandem with property developments

TIME and again we hear of residents protesting against any form of development on lands in their vicinity, citing traffic and "overdevelopment". Most protests are based on "not-in-my-backyard" reasons.

It is indeed refreshing to have a fair-minded and legally correct response from our Kuala Lumpur mayor, who has been quoted as saying "we cannot turn down a landowner's right to develop his or her land".

